

Headline	Kerajaan disaran batal dan bekukan lesen perniagaan khidmat Fish Spa		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	13 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	9	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 225
Frequency	Daily	PR Value	RM 675



Kerajaan disaran batal dan bekukan lesen perniagaan khidmat 'Fish Spa'

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN
(kamaruddin@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU:- Persatuan Penderita Darah Sabah menggesa kerajaan agar membekukan dan membatalkan lesen perniagaan berasaskan perkhidmatan berasaskan gigitan ikan atau "Fish Spa" di negeri ini.

Presidennya, Taufick Ruchi (gambar) berkata, ini berikutan kekhawatiran pelbagai pihak mengenai perkhidmatan Spa yang berasaskan perkhidmatan terapi 'Fish Spa' itu berkemungkinan berisiko jangkitan HIV dan penyakit berjangkit lain.

"Persatuan Penderita Darah Sabah sangat khuatir ia akan memudaratkan masyarakat kita dan berharap perniagaan tersebut harus diharamkan,"katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin bahawa kementerianya telah mengeluarkan kenyataan

mengatakan terapi gigitan ikan tidak selamat kerana penyakit berjangkit seperti HIV mudah dipindahkan dari individu berisiko kepada individu yang lain.

Menurut Rosnah, ini adalah kerana cara penggunaan ikan yang berulang oleh "Fish Spa" dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan menyebabkan berlaku risiko pemindahan penyakit itu kerana HIV boleh dipindahkan melalui tiga cara, iaitu darah, air liur dan melalui luka lecetan atau kudis.

"Terapi ikan melibatkan ikan kecil yang mengigit sel-sel kulit mati menyebabkan berlaku pemindahan penyakit terutamanya jika berkongsi kolam terapi ikan dengan pelanggan lain yang mempunyai HIV,"katanya.

Taufick berkata, dari segi logiknya, peredaran dan pergerakan ikan yang berfungsi sebagai terapi kepada pengguna terbatas di dalam satu kelompok air yang dihuni oleh ikan yang sama dalam kolam berkenaan.

"Ini sangat membahayakan kepada kesihatan di mana berkemungkinan pengunja terapi tersebut mahu membuang penyakit yang

dihadapinya melalui ikan -berkenaan..,"ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Persatuan Penderita Darah Sabah merayu ihsan masyarakat di seluruh negeri ini agar membantu untuk mengisi Tabung Darah Hospital yang kini kritikal kekurangan darah.

"Keperluan darah ini ialah bagi menampung kegunaan hospital kerajaan untuk masalah yang dihadapi seperti ibu-ibu yang bersalin, anak yang baru lahir dan berpenyakit kuning, mangsa kemalangan jalanraya, pesakit yang menghadapi pembedahan dan pesakit Thelesemia,"katanya.

Sehubungan itu, katanya, persatuan itu akan mengadakan kempen menderma darah di Yu Sang Marketing, Kepayan pada 19 November dan pada 20 November pula akan diadakan di Lido.

Menurutnya, pihaknya juga telah merangka program kempen menderma darah di pelbagai tempat di Sabah dan berharap masyarakat di negeri ini ambil membantu persatuan dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia.

